



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

DO NOT LAMENT FOR THE WORLD
JANGAN BERSEDIH KERANA DUNIA

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Aakhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Hadith hadith Rasulullah ﷺ sungguh indah. Semalam kami baca sepotong hadith yang bermaksud : “Sesiapa sedih demi dunia ini akan di dekati Neraka sedekat seribu tahun. Sesiapa sedih demi akhirat akan di jauhi neraka seribu tahun..”

Tiada manfaat nya untuk menyesal sesuatu perkara untuk dunia yang telah berlalu dan sudah terjadi, kerana masa telah lalu. Anda boleh sedih sebanyak yang anda kehendaki, pukul diri anda sebanyak yang anda mahu atau menarik kaki anda sebanyak yang anda kehendaki, tidak apa yang akan terjadi lagi. Tambahan pula ratapan itu akan membawa anda dekat kepada neraka. Anda membakar diri di dunia dan anda mendekati diri kepada neraka pada hari akhirat. Perasaan membara di dalam diri anda adalah bahang pendekatan anda dengan neraka!

Tiada apa yang anda boleh lakukan, kerana tidak melakukan amal yang baik di dunia dan anda tiada bekalan amalan untuk akhirat. Tetapi jika anda bersedih untuk akhirat maka ia akan hindarkan anda dari api neraka. Oleh sebab itu kesedihan anda hanya untuk akhirat. Allah ﷻ akan memberi ganjaran yang setimpal nya.

Ini adalah nasihat yang indah dari Junjungan kita Rasulullah ﷺ. Sebagaimana saya nyatakan jika anda bersedih dan membakar diri anda atas sebab anda tidak melakukan amalan di dunia ini, atau atas sebab anda tidak mencapai sesuatu atau sesuatu kejadian berlaku; maka anda tidak akan mendapat manfaat di dunia atau di akhirat.



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Sebaliknya, jika kesedihan itu kerana akhirat, seperti sedih tidak dapat menunaikan shalat, sedih tidak dapat berpuasa, sedih tidak dapat melakukan kerja kerja amal, atau tidak berkempampuan untuk menunaikan Hajj, maka sebalik kesedihan kesedihan ini ada manfaat nya. Moga Allah ﷻ mencabut segala keinginan duniawi dari hati kita supaya kita menjadi selesa di dunia dan memperolehi keuntungan di akhirat.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
24 February 2016/15 Jumada al-Awwal 1437
Sabah Namaz, Akbaba Dargah